



**LEMBAGA PROMOSI KESIHATAN MALAYSIA (MYSIHAT)
IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN**

Permohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia** yang **berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan** yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan di Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (MySihat), Kementerian Kesihatan Malaysia seperti berikut :-

JAWATAN	GRED	TARAF JAWATAN	BIL. JAWATAN	JADUAL GAJI MINIMUM - MAKSIMUM			
				Gred	Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
PEGAWAI TADBIR	N41	KONTRAK	1	N41	RM2,080.00	RM 9,546.00	RM 225.00

CARA PERMOHONAN

Permohonan jawatan adalah melalui **Borang Permohonan Jawatan** yang diedarkan bersama-sama iklan ini. Sila kemukakan permohonan kepada :

**Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (MySihat)
Unit No. 13-4, Aras 4,
Galleria Cyberjaya
Jalan Teknokrat 6, Cyber 5
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan**

Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat dan ditulis **NAMA JAWATAN YANG DIPOHON** di sebelah atas kiri sampul surat dengan **HURUF BESAR**.

Setiap borang permohonan jawatan mestilah bersertakan sekeping gambar berukuran passport, salinan sijil-sijil dan dokumen yang **telah disahkan** seperti berikut:

- a. **Kad Pengenalan dan Surat Beranak;**
- b. **Diploma/ Ijazah berserta Transkrip;**
- c. **Sijil berhenti sekolah;**
- d. **Sijil-sijil seperti PMR, SPM dan STPM;**
- e. **Sijil – sijil lain yang berkaitan; dan**
- f. **Permohonan daripada pegawai lantikan kontrak yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am Bab A, bil. 21 (Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang kemaskini dan Laporan Penilaian Prestasi (LNPT) terkini).**

Permohonan **AKAN DITOLAK** sekiranya:

- a. Dokumen yang diperlukan tidak dilampirkan;
- b. Salinan sijil-sijil yang tidak disahkan oleh pegawai yang ditetapkan;
- c. Pengisian borang tidak lengkap; dan
- d. Tidak menandatangani borang permohonan.

Tarikh tutup permohonan ialah pada 20 Oktober 2017 (Jumaat)

Hanya pemohon yang layak selepas tapisan dan disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup permohonan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

**Unit Sumber Manusia
Bahagian Khidmat Pengurusan
Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia**

SYARAT – SYARAT KELAYAKAN

1. (a) Jawatan : Pegawai Tadbir Gred N41 (Kontrak)
- (b) Agensi : Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia
- (c) Ketua Perkhidmatan : Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia
- (d) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan Dan Profesional
- (e) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran & Sokongan (N)
2. Jadual Gaji Gred N41 :
- | Gaji Minimum | Gaji Maksimum | Kadar Kenaikan Gaji Tahunan |
|--------------|---------------|-----------------------------|
| RM2,080.00 | RM9,546.00 | RM225.00 |
3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,080.00); atau
- (ii) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,283.43)
4. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kejujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
5. Taraf jawatan : Kontrak
6. Fungsi Bidang Tugas : Bertanggungjawab kepada Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah (Korporat) bagi menyelaras dan melaksanakan fungsi dan tugas-tugas berikut :

- A) Pengurusan Imej Korporat MySihat
Mempertingkatkan dan memelihara imej MySihat di peringkat nasional dan antarabangsa.

- B) Penguatkuasaan Akta Promosi Kesihatan Malaysia dan Perundangan
 - i) Menyelaras, memantau dan menilai penguatkuasaan Akta Promosi Kesihatan Malaysia
 - ii) Menyelaras, memantau dan menilai soal-soal perundangan lembaga.
 - iii) Menyelaras dan menguruskan ke arah pelaksanaan Peraturan-peraturan Geran dan Kontrak Perjanjian Geran.

- C) Perhubungan Awam
Menyelaras Bahagian Perhubungan Korporat sebagai 'Focal point' dan perantara dari segi maklumat/data, hubungan antara industri, agensi kerajaan, swasta, NGO, dalam dan luar negara.
 - i) Hubungan Media
 - Menguruskan hal-hal berkaitan perhubungan media melalui jalinan kerjasama dan perhubungan yang berterusan dengan media cetak, media elektronik dan media baru (*new media*).

- D) Promosi dan Publisiti
 - i) Mengurus dan menyelaras pameran, acara, *roadshow* dan sambutan.
 - ii) Menyelaras penganjuran acara-acara rasmi dan lawatan dari dalam dan luar negara.

- E) Pengurusan Program Geran Pro-aktif
Merancang strategi dan mengurus pelaksanaan program Geran Pro-Aktif.

- F) Jaringan Kerjasama Strategik
Menyelaras dan memelihara jaringan kerjasama strategik berkaitan promosi kesihatan bersama organisasi di dalam dan luar negara.

- G) Lain-lain tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.